



INFO e-TANAH

Apakah Perubahan e-Tanah?



Pelanggan boleh memohon urusan tanah di kaunter *Single Point of Contact* (SPOC) yang merupakan kaunter setempat bagi meningkatkan servis dengan lebih efisien untuk kepuasan pelanggan.

Perkhidmatan *online* seperti semakan status permohonan, pembayaran cukai tanah, carian persendirian, pengisian borang dan *online help* yang akan meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan di dalam urusan tanah.



Integrasi dengan sistem-sistem dari agensi-agensi lain seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi pelaksanaan urusan-urusan yang berkaitan.

Kaunter SPOC akan diperluaskan untuk :

Pembangunan

Penguatkuasaan

Pelupusan

Pengambilan

Portal Awam akan diperluaskan untuk 'Single Window' meliputi :

Carian persendirian

Carian Maklumat Syarikat

Carian Kebankrapan




INFO e-TANAH



Fungsi Kaunter SPOC e-Tanah



Pelanggan mendapat khidmat lebih cepat dan cekap



Pelanggan boleh mendapat maklumat secara atas talian dengan kemudahan kiosk yang disediakan



Perkhidmatan kaunter lebih mesra pelanggan. Pelanggan boleh membuat pelbagai urusan di satu kaunter



Kaunter OKU telah disediakan di aras G




Fungsi Portal Awam e-Tanah



e-Bayaran

Semakan dan Pembayaran Cukai Tanah secara atas talian



e-Semakan

Semakan status permohonan melalui Nombor Resit atau ID Permohonan



e-Carian

Membuat Carian Persendirian secara atas talian



Permohonan Atas Talian

Membuat permohonan secara atas talian untuk urusan-urusan seperti Strata, Consent dan Lelong



Pengurusan Wakil

Mengemaskini Maklumat wakil Firma Guaman dan Juruukur Berlesen

DIARI PROJEK E-TANAH

SESI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT)

Satu siri sesi FAT akan berlangsung bermula dari October 2017 di PPTG WP Kuala Lumpur setelah selesai sesi PAT. Sesi ini bertujuan untuk pengujian akhir sistem e-Tanah dan dijangka berlangsung selama sebulan.

PROGRAM LATIHAN (TRAINING)

Program Latihan untuk pengguna akhir di PTG WP Kuala Lumpur akan berlangsung selama sebulan setelah selesai sesi FAT dari bulan November hingga Disember 2017.

MAKLUMBALAS



Jika terdapat sebarang pertanyaan atau maklumbalas, sila emel kepada :

cm_team@mail.puncaktegap.com.my



INFO e-TANAH

Aktiviti Projek e-Tanah

TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM E-TANAH KEPADA WARGA PPTG WPKL

Satu taklimat berkenaan pelaksanaan dan penggunaan sistem e-Tanah telah diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 4 Rumah Persekutuan, PPTG WP Kuala Lumpur pada 15 Jun 2017 kepada warga PPTG WP Kuala Lumpur. Sesi ini yang telah dipengerusikan oleh En Muhammad Yasir Yahya (Pengarah) bertujuan untuk menerangkan tatacara pelaksanaan sistem e-Tanah selepas Go-Live. Antara kandungan taklimat ini meliputi penerangan tentang Struktur Sokongan, Tips Kaunter dan Aktiviti Tukarganti. Ini adalah bagi memudahkan penggunaan sistem e-Tanah selepas *Go-Live* pada 19 Jun 2017.



TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM E-TANAH KEPADA JURUUKUR BERLESEN (JUB) DAN FIRMA GUAMAN

Satu taklimat berkenaan penggunaan sistem e-Tanah telah diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 4 Rumah Persekutuan, PPTG WP Kuala Lumpur pada 14 Jun 2017 kepada Firma Guaman dan 19 Julai 2017 kepada Juruukur Berlesen (JUB) Sesi ini telah dipengerusikan oleh En Ahmad Fuad Mustaffa (Timbalan Pengarah TPTG(D).

Sesi ini bertujuan untuk menerangkan tatacara pelaksanaan sistem e-Tanah selepas *Go-Live*, termasuklah perubahan yang melibatkan pengenalan Kaunter SPOC dan Portal Awam e-Tanah. Perkhidmatan ini akan bermula pada 19 Jun 2017 bagi memudahkan JUB dan Firma Guaman menggunakan sistem e-Tanah selepas *Go-Live*.



SESI PROVISIONAL ACCEPTANCE TEST (PAT) FASA 2

Satu siri sesi PAT telah berlangsung bermula 6 September 2017 di PPTG WP Kuala Lumpur. Sessi ini bertujuan untuk membuat pengujian dan maklumbalas untuk sistem e-Tanah untuk Fasa 2. Beberapa pegawai dari unit Pembangunan, Pelupusan, Pengambilan dan Penguatkuasaan terlibat dalam sesi ini untuk menguji dan menambahbaik fungsi dan keberkesanan sistem e-Tanah yang masih dalam peringkat ujian ini.

Sesi PAT ini dijangka berlangsung selama sebulan dan akan disambung dengan Final Acceptance Test (FAT) sebelum Program Latihan dijalankan untuk warga kerja PPTG WP Kuala Lumpur.

